



Seminar Profesionalisme Pentadbir Dalam Era Globalisasi



Antara peserta seminar Pengarah Pusat Kokurikulum, UPM Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran (kiri sekali) dan Pegawai Tadbir Pusat Kokurikulum, UPM Johar Md. Lajis (kanan sekali).

KOTA KINABALU, 30 Januari – Seminar 'Profesionalisme Pentadbir Dalam Era Globalisasi' anjuran Persatuan Pentadbir Universiti Putra Malaysia (PPUPM) dengan kerjasama Majlis Bersama Pegawai Tadbir & Ikhtisas Institut Pengajian Tinggi Awam (MASTI) mendedahkan perkhidmatan yang berkualiti, produktif dan inovatif kepada 150 pentadbir.

Pengerusi seminar tersebut Ahmad Ismail berkata peserta seminar yang terdiri daripada pentadbir didedahkan dengan aspek dinamik pengurusan seperti etika, produktiviti, kualiti, integriti dan akauntabiliti.

"Pemikiran pakar-pakar dalam bidang pengurusan, akademik dan korporat membolehkan peserta mengaplikasikan ilmu pengetahuan bagi peningkatan kerjaya dan memajukan organisasi dalam era globalisasi selain mengenal pasti strategi pengurusan terkini ke arah kecemerlangan organisasi," katanya pada seminar selama dua hari di Hotel Promenade, di sini.

Beliau berkata seminar yang bertemakan 'Pentadbir Berintegriti, Organisasi Beridentiti' itu turut membincangkan kaedah Neuro-Linguistic Programming (NLP) sebagai pendekatan perlakuan untuk melahirkan individu cemerlang.

Seminar yang disertai oleh pentadbir IPTA, institusi pengajian tinggi swasta serta badan-badan berkanun seluruh negara telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun.

Datuk Masidi dalam ucapan perasmian menekankan aspek integriti, akauntabiliti, etika kerja serta nilai yang murni perlu dipupuk oleh pentadbir demi menunaikan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berdisiplin tinggi.

Beliau menyifatkan usaha Persatuan Pentadbir UPM mengadakan seminar di Sabah sebagai langkah positif untuk menggalakkan industri pelancongan negeri itu.

Pada majlis penutupan seminar, Pendaftar UPM Wan Azman Wan Omar mengingatkan peserta supaya memupuk perhubungan dua hala yang kondusif dan produktif antara pentadbir dengan pihak pelanggan kerana perlakuan pentadbir akan dilihat dan dinilai oleh pelanggan awam yang menjadi stakeholders.



Barisan Exco dan pembentang seminar.

Berita asal oleh Mat Razi Abdullah dan disunting oleh Seksyen Media BKK

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia